

03/09/1997

Umno Melaka hantar 300 pemerhati

Norazmi Abdul Talib

MELAKA, Selasa- Badan Perhubungan Umno Melaka akan menghantar lebih 300 pemerhati untuk bersama-sama dengan 55 perwakilan daripada lima bahagian di negeri ini menghadiri Perhimpunan Agung Umno pada 5 hingga 7 September ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka, Datuk Abu Zahar Isnin, berkata setiap bahagian di negeri ini iaitu Alor Gajah, Batu Berendam, Jasin, Kota Melaka dan Selandar akan menyediakan sebuah bas bagi menghantar sekurang-kurangnya 60 pemerhati.

Katanya, ini untuk memberi peluang serta kesempatan kepada ahli Umno Melaka mengikuti perjalanan Perhimpunan Agung Umno secara dekat sejak hari perasmian hingga penutup nanti.

"Ahli Umno akan dapat mendengar sendiri ucapan dasar Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta ucapan perbahasan yang akan disampaikan oleh perwakilan nanti," katanya ketika ditemui selepas merasmikan aneka ragam senandung budaya Hari Kebangsaan 1997 di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Bandar Hilir di sini, petang semalam.

Abu Zahar juga berkata, Badan Perhubungan Umno Melaka sudah menetapkan tiga pemimpin Umno di negeri untuk berucap dalam Perhimpunan Agung Umno nanti.

Mereka ialah Timbalan Ketua Umno bahagian Jasin, Datuk Ahmad Hamzah yang akan membahaskan ucapan dasar Presiden; Ketua Pemuda Umno bahagian Batu Berendam, Mustazah Osman membahaskan usul ekonomi dan Pengerusi Biro Agama Umno bahagian Alor Gajah, Idris Kassim membahaskan usul agama.

"Semua ketua bahagian, timbalan ketua, naib ketua, setiausaha, bendahari, ketua penerangan, ketua pemuda serta ketua wanita bahagian akan berada di Kuala Lumpur pada 3 September ini, bagi mendengar taklimat yang akan disampaikan oleh Presiden Umno," katanya.

(END)